

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta MENTERI SUMBER  
MANUSIA menyatakan :-**

- (a) jumlah dana padanan yang telah dibelanjakan untuk mengalakkan sektor ekonomi gig mencarum Skim Bencana Pekerjaan PERKESO dan Skim i-Saraan sehingga 30 November 2020; dan
- (b) jumlah pekerja ekonomi gig yang telah berdaftar dengan PERKESO dan KWSP sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, dalam memastikan keselamatan sosial Orang Berkerja Sendiri yang terlibat dalam pekerjaan ekonomi gig adalah terjamin, Kerajaan telah menyediakan peruntukan geran sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan Program Dana Padanan Caruman Ekonomi Gig Platform (PenjanaGig). Program PenjanaGig ini merangkumi dua sub-inisiatif berbentuk sumbangan padanan (*matching contributions*) kerajaan iaitu melalui Skim Insentif Persaraan (i-Saraan) KWSP dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO khusus bagi mereka yang bekerja di sektor ekonomi gig.

2. Di bawah PenjanaGig sehingga 20 November 2020, seramai **6,343 pekerja gig** telah mendaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO dengan dana berjumlah **RM1.033 juta** telah disumbangkan oleh Kerajaan di bawah Pelan 2 SKSPS.

3. Skim Insentif Persaraan (i-Saraan) KWSP adalah program simpanan bagi menggalakkan golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap untuk mencarum secara sukarela dalam KWSP bagi tujuan persaraan. Program ini terbuka kepada golongan seperti petani, nelayan, pemandu teksi, penjaja, pengasuh bayi/kanak-kanak, ejen insurans/hartanah, pekerja bebas (*freelancer*), pemilik perniagaan (premis dan atas talian), suri rumah, pelajar dan lain-lain.

4. Setakat 21 Oktober 2020, seramai 317,193 ahli yang telah mendaftar di bawah program i-Saraan. Selepas pengumuman dana tambahan bagi insentif geran padanan oleh YAB Perdana Menteri menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) untuk pekerja ekonomi gig pada 5 Jun 2020, dianggarkan seramai lebih 15,700 orang pekerja dalam ekonomi gig yang telah mendaftar di bawah program i-Saraan.

## SOALAN NO : 517

5. Insentif khas yang diberikan oleh Kerajaan ialah caruman padanan sebanyak 15% tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 setiap tahun kepada ahli di bawah umur 55 tahun yang mendaftar dan mencarum dalam program berkenaan. Insentif i-Saraan akan dituntut KWSP daripada pihak Kerajaan sebanyak dua kali setahun iaitu bagi tempoh simpanan bulan Januari hingga Jun dan bagi tempoh Julai hingga Disember setiap tahun. Insentif bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 telah dikreditkan ke dalam Akaun 1 ahli yang layak pada 24 September 2020. Insentif ke atas caruman bagi tempoh Julai hingga Disember 2020 akan dituntut dan dikreditkan pada awal tahun 2021.

6. Sehingga Disember 2020, jangkaan insentif i-Saraan bagi pekerja ekonomi gig adalah dianggarkan berjumlah di antara RM4 juta hingga RM5 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemberian serta tuntutan eBaucar RM800 untuk mendapat perkhidmatan pengasuh mobil di bawah skim PENJANA sehingga Ogos 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi PENJANA pada 5 Jun 2020 dengan nilai RM35 bilion. Daripada jumlah ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM200 juta bagi Subsidi Penjagaan Anak yang bertujuan untuk membantu rakyat melakukan peralihan kepada norma baharu iaitu bekerja dari rumah.

2. Memahami peningkatan kos penjagaan anak susulun daripada pihak taska melaksanakan *Standard Operating Procedure* (SOP) baharu, Kerajaan pada mulanya telah mengumumkan bantuan subsidi dan insentif perbelanjaan perkhidmatan penjagaan anak seperti pemberian “eBaucar” yang bernilai RM800 kepada ibubapa untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuh mobil. Namun, terdapat beberapa isu pelaksanaan yang telah dikenal pasti seperti keperluan mewujudkan garis panduan berkaitan untuk diterima pakai bagi pelaksanaan pengasuh mobil. Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan agar peruntukan tersebut disalurkan kepada inisiatif untuk melatih pengasuh baharu bagi penjagaan kanak-kanak dan kursus pendidikan awal di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

3. Sehingga 27 November 2020, sejumlah RM516,564 telah disalurkan melalui Kursus Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) di bawah KPWKM. Penyaluran ini masih berterusan dan dilihat lebih praktikal di mana pengasuh disyaratkan untuk memenuhi lebih 90% kehadiran dalam latihan; sebelum penyedia latihan dapat membuat tuntutan insentif tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
PENGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA,  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini PENJANA HDR seperti berikut :-

- (a) jumlah majikan dan penyedia latihan kemahiran yang telah memohon mengikut sektor; dan
- (b) jumlah permohonan dan geran yang telah diluluskan mengikut sektor hingga 30 November 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF dengan objektif untuk menyokong agenda Kerajaan di dalam memulihkan semula ekonomi negara yang terkesan disebabkan oleh COVID-19. Lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif ini yang terdiri daripada Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang (GIG.) Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan membantu rakyat dalam mendapatkan penempatan pekerjaan, *self-employment* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka.

2. Sejak inisiatif ini diperkenalkan, PSMB telah menerima sebanyak 9,239 kertas cadangan (*proposal*) daripada 2,525 penyedia latihan dan

## SOALAN NO : 519

sebanyak 2,548 majikan yang bersedia untuk menawarkan pekerjaan. Setakat 16 Oktober 2020, PSMB telah meluluskan sebanyak 1,080 kertas cadangan daripada 564 penyedia latihan. Berdasarkan kelulusan, penyedia latihan tertinggi mengikut negeri adalah 46.5% penyedia latihan dari negeri Selangor, 31.4% dari Kuala Lumpur, 5.0% dari Negeri Sembilan, 3.9% dari Pulau Pinang dan 2.7% dari Sabah. Dari segi majikan pula, sejumlah 397 majikan telahpun diluluskan, di mana 97% daripadanya adalah dari sektor perkhidmatan dan 3% adalah dari sektor pembuatan.

3. Setakat 16 Oktober 2020, PSMB telah meluluskan sebanyak 72,142 pelatih bagi mengikuti skim-skim yang ditawarkan di bawah inisiatif PENJANA HRDF ini.

Sekian, terima kasih.